

01 NOV 2002

MAHATHIR-DUIT/I

PERANAN WANG TELAH BERUBAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peranan wang dalam bentuk fizikal telah berubah dengan kemajuan ekonomi global dan peningkatan kecanggihan aliran perdagangan dan kewangan dan di kebelakangan ini, pembangunan pesat internet dan perdagangan elektronik.

"Benar, transaksi barangan dan perkhidmatan dan aliran modalpun boleh berlaku dengan satu panggilan telefon atau menyentuh papan kekunci komputer," katanya.

Tidak perlu lagi transaksi tunai secara fizikal, kata Dr Mahathir yang merupakan menteri kewangan, dalam ucapan perasmian Persidangan Wang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIMOF) 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy.

Dr Mahathir berkata perkembangan ini menunjukkan bahawa wang dalam definisi hari ini adalah hanya maklumat yang boleh dihantar secara elektronik bagi memudahkan transaksi perniagaan.

"Akibatnya, penggunaan syiling dan wang kertas akan berkurangan apabila e-dagang berkembang.

"Mungkin elok diimbaskan kembali bahawa mata wang yang dijual beli oleh pedagang mata wang hanyalah angka-angka di skrin komputer," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata wang, apabila dihantar, melibatkan hanya perubahan nama pemilik akaun-akaun bank. Tiada wang sebenar yang bertukar tangan.

"Jelas, angka-angka di skrin komputer telah mengambil tempat wang. Bagaimanapun, kesannya boleh meruntuhkan keseluruhan negara dan perniagaan," katanya. -- BERNAMA

AKT FR JR